

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG [SEGAMPUT]

TARIKH : 10 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN :

YB Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa ramaikah menteri persekutuan yang pernah menulis surat rasmi kepada Federal Bureau of Investigation (FBI) di Amerika Syarikat dan berapa kalikah Paul Wei Seng Phua telah terlibat di dalam projek yang membabitkan keselamatan negara.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak bercadang untuk mendedahkan sebarang maklumat yang berkaitan dengan Phua Wei Seng dalam urusan keselamatan negara kerana ia adalah Rahsia Besar dan diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 10 MAC 2015
[SELASA]
DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]

SOALAN :-

Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada konsep Bina Kemudian Jual tidak akan diteruskan dan cadangan-cadangan untuk menggantikan konsep tersebut.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melaksanakan konsep Bina Kemudian Jual (BKJ) **selari** dengan konsep Jual Kemudian Beli (JKB) berasaskan *Sales and Purchase (S&P)*. BKJ belum boleh dijadikan mandatori memandangkan pasaran hartanah khususnya perumahan tidak bersedia menerima kaedah tersebut sepenuhnya. Pada masa yang sama pihak kerajaan sedang menyemak dan mengkaji sekiranya terdapat kaedah dan mekanisme lain yang lebih sesuai.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2015